

UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

UTM.J02.01/10.12/2 Jld.2(28)

16 Januari 2023
23 Jamadilakhir 1444H

PEKELILING PENTADBIRAN BIL. 4/2023

BANTUAN KHAS KEWANGAN TAHUN 2023

Dimaklumkan bahawa Kerajaan melalui Akta Kumpulan Wang Disatukan (Perbelanjaan Masuk Akaun) 2022, telah bersetuju supaya Bantuan Khas Kewangan (BKK) Tahun 2023 sebanyak RM700.00 dibayar kepada pegawai Perkhidmatan Awam Kumpulan Pengurusan dan Profesional serta Kumpulan Pelaksana Gred 56 dan ke bawah. Bayaran ini juga turut dipanjangkan kepada pesara Kerajaan yang menerima skim pencen dan veteran tidak berpencen dengan bayaran sebanyak RM350.00 melalui Surat Edaran oleh Timbalan Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam (Pembangunan) (JPA.800-3/2/4 (17)) bertarikh 27 Disember 2022 mengenai Bantuan Khas Kewangan Tahun 2023.

2. Berdasarkan surat edaran tersebut, Lembaga Pengarah Universiti telah bersetuju dengan kertas kerja secara edaran bertarikh 10 Januari 2023 supaya Bantuan Khas Kewangan ini dibayar kepada staf Universiti Teknologi Malaysia (UTM) gred 56 dan ke bawah bagi lantikan tetap, sementara dan *contract of service* sebanyak RM700.00. Pesara yang memilih skim pencen yang dilantik semula secara *contract of service* di UTM juga layak dibayar Bantuan Khas Kewangan sebanyak RM700.00. Walau bagaimanapun, pembayaran sebanyak RM350.00 akan dibayar oleh Jabatan Perkhidmatan Awam dan bakinya akan dibayar oleh UTM.

3. Staf lantikan Contract for Service (CFS) (terdiri daripada pegawai lantikan Skim Akademik Fleksibel (SAF) dan lain-lain lantikan CFS) di kumpulan Pengurusan dan Profesional Gred 56 ke bawah yang mana pembayaran BKK 2023 adalah tertakluk kepada surat edaran oleh Kementerian Kewangan, turut dibayar BKK 2023 sebanyak RM700 atau RM350 sekiranya pegawai adalah pesara UTM tertakluk kepada peruntukan kewangan Tabung/ Geran lantikan.

4. Pemberian BKK 2023 ini turut dipanjangkan kepada Pekerja Sambilan Harian (PSH) tertakluk kepada syarat telah berkhidmat selama sekurang-kurangnya enam (6) bulan pada tahun 2022 dan masih berkhidmat sebagai PSH pada 17 Januari 2023. Pembayaran adalah berdasarkan kemampuan peruntukan tabung PTJ dengan kadar maksimum sehingga RM700.00.

5. Sehubungan itu, Bantuan Khas Kewangan Tahun 2022 ini akan dibayar pada **17 Januari 2023**.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA KERANA ALLAH”

Saya yang menjalankan amanah,



(NOR AZIZAH BINTI ISMAIL)

Pendaftar

- s.k.
- Naib Canselor
 - Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)
 - Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)
 - Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar)
 - Timbalan Naib Canselor (Pembangunan)
 - Pro-Naib Canselor (Kampus UTM Kuala Lumpur)
 - Pengarah Kampus UTM Pagoh
 - Pegawai-pegawai Kanan/ Dekan/ Pengarah



**TIMBALAN KETUA PENGARAH PERKHIDMATAN AWAM (PEMBANGUNAN)
DEPUTY DIRECTOR-GENERAL OF PUBLIC SERVICE (DEVELOPMENT)**

Jabatan Perkhidmatan Awam, Malaysia
Public Service Department, Malaysia
Aras 13, Blok C1, Kompleks C
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62510 W.P. PUTRAJAYA
MALAYSIA

Tel: 603-88853002
Faks (Fax): 603-88892639
Laman Web (Web): www.jpa.gov.my

Rujukan : JPA.800-3/2/4 (17)
Tarikh : 27 Disember 2022

Semua Ketua Setiausaha Kementerian
Semua Ketua Jabatan Persekutuan
Semua YB Setiausaha Kerajaan Negeri
Semua Pihak Berkuasa Berkanun
Semua Pihak Berkuasa Tempatan

YBhg. Tan Sri/Datuk Seri/Dato' Seri/Datuk/Dato'/Tuan/Puan,

BANTUAN KHAS KEWANGAN TAHUN 2023

Dengan hormatnya saya ingin menarik perhatian YBhg. Tan Sri/Datuk Seri/Dato' Seri/Datuk/ Dato'/Tuan/Puan kepada perkara di atas.

2. Sebagaimana YBhg. Tan Sri/Datuk Seri/Dato' Seri/Datuk/Dato'/Tuan/Puan sedia maklum bahawa Kerajaan melalui Akta Kumpulan Wang Disatukan (Perbelanjaan Masuk Akaun) 2022, telah bersetuju supaya Bantuan Khas Kewangan (BKK) Tahun 2023 sebanyak RM700.00 dibayar kepada pegawai Perkhidmatan Awam Kumpulan Pengurusan dan Profesional serta Kumpulan Pelaksana Gred 56 dan ke bawah. Di samping itu, BKK Tahun 2023 ini turut dipanjangkan kepada pesara Kerajaan yang menerima pencen dan veteran tidak berpencen dengan bayaran sebanyak RM350.00.

3. Selaras dengan keputusan tersebut, kaedah pelaksanaan pembayaran BKK Tahun 2023 adalah seperti berikut:

3.1 Bayaran **LAYAK** diberikan kepada:

- (i) pegawai Perkhidmatan Awam Kumpulan Pengurusan dan Profesional serta Kumpulan Pelaksana Gred 56¹ dan ke bawah yang masih berkhidmat pada 17 Januari 2023;
- (ii) pegawai Perkhidmatan Awam Kumpulan Pengurusan dan Profesional serta Kumpulan Pelaksana yang layak tersebut merupakan:
 - a) pegawai lantikan tetap, sementara dan *Contract of Service* (COS)²;
 - b) pegawai yang bercuti bergaji penuh;
 - c) pegawai yang bercuti separuh gaji;
 - d) pegawai yang bercuti tanpa gaji; dan
 - e) pegawai yang dipinjamkan termasuk ke agensi yang diasingkan pengurusan saraannya. BKK Tahun 2023 ini akan dibayar oleh agensi yang menerima peminjaman pegawai.

¹ Pegawai di Gred 56 atau setara. Tidak termasuk pegawai yang sedang memangku di Gred Utama/Khas.

² Bagi pegawai di bawah *Contract for Service*, surat edaran berasingan akan dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan.

3.2 BKK Tahun 2023 ini turut dibayar kepada:

- (i) pegawai lantikan MySTEP yang telah berkhidmat selama sekurang-kurangnya enam (6) bulan pada tahun 2022 dan masih berkhidmat sebagai MySTEP pada 17 Januari 2023;
- (ii) guru interim;
- (iii) pemandu yang dilantik sendiri oleh pegawai Gred Jawatan Utama B dan ke atas, serta Gred Khas A dan ke atas yang layak pemandu tetapi tidak disediakan pemandu oleh jabatannya; dan
- (iv) pemandu yang dilantik sendiri oleh Anggota Pentadbiran dan Hakim dan Pesuruhjaya Kehakiman.

3.3 Bagi pesara Kerajaan yang menerima pencen termasuk penerima pencen terbitan di bawah undang-undang pencen serta pesara Skim Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) yang bersara daripada perkhidmatan awam apabila mencapai opsyen umur persaraan pada atau sebelum 17 Januari 2023 akan dibayar sebanyak RM350.00 oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) manakala veteran berpencen dan tidak berpencen oleh Jabatan Hal Ehwal Veteran (JHEV);

3.4 Pesara (rujuk para 3.3) dan veteran yang dilantik semula secara lantikan tetap, sementara serta COS dan masih berkhidmat pada 17 Januari 2023 layak dibayar sebanyak RM700.00. Walau bagaimanapun, pembayaran sebanyak RM350.00 akan dibuat oleh JPA/JHEV dan bakinya sebanyak

RM350.00 akan dibayar oleh jabatan di mana pegawai sedang berkhidmat;

3.5 Pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan yang meninggal dunia pada 17 Januari 2023 layak diberi BKK Tahun 2023 sebanyak RM700.00;

3.6 Bayaran **TIDAK LAYAK** diberikan kepada:

(i) pegawai dalam Kumpulan Pengurusan Tertinggi dan setaraf termasuk pegawai yang memangku, dipinjam/tukar sementara dan penempatan khas ke Gred Jawatan Utama/Gred Khas;

(ii) pegawai yang dikenakan hukuman tatatertib buang kerja atau turun pangkat dalam tempoh 1 Januari 2023 hingga 17 Januari 2023;

(iii) pegawai yang ditamatkan perkhidmatan demi kepentingan awam dalam tempoh 1 Januari 2023 hingga 17 Januari 2023;

(iv) pegawai yang meletak jawatan dalam tempoh 1 Januari 2023 hingga 17 Januari 2023; dan

(v) pegawai berpencen yang melepaskan hak pencen kerana menyertai Badan Berkanun Yang Diasingkan Saraan.

3.7 Pegawai yang ditahan kerja, digantung kerja atau surat pertuduhan telah dikeluarkan oleh Pihak Berkuasa Tatatertib (PBTT) akan ditangguhkan pemberian BKK Tahun 2023 ini. Pegawai hanya layak dibayar BKK Tahun 2023 setelah

dibebaskan daripada pertuduhan tatatertib atau dikenakan hukuman selain buang kerja atau diturunkan pangkat oleh PBTT yang berkenaan; dan


3.8 BKK Tahun 2023 ini akan dibayar pada 17 Januari 2023 dan menjadi tanggungan jabatan di mana pegawai berkhidmat pada tarikh pembayaran.

4. Tertakluk kepada penerimaan pakai oleh pihak berkuasa masing-masing, arahan ini pada keseluruhannya dipanjangkan kepada semua Perkhidmatan Awam Negeri, Pihak Berkuasa Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



(DATO' DR ZULKAPLI BIN MOHAMED)
b.p. Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam

s.k.:

Ketua Setiausaha Negara

Ketua Setiausaha Perbendaharaan

Akauntan Negara